

# Elaun khas tentera: Najib akan temui PM

UM 26 JAN 2000  
KUALA LUMPUR 25 Jan. — Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam sedikit masa lagi berkenaan cadangan kerajaan mengkaji semula 37 elaun khas anggota tentera.

Menteri Pertahanan berkata, antara 37 jenis elaun pelbagai kategori yang mungkin akan dipertimbangkan untuk dikemukakan cadangan kajian semula kepada kerajaan ialah elaun perjalanan, teknikal, tugas khas dan tugas berisiko tinggi.

Najib berkata, Dr. Mahathir juga pernah menyatakan kesediaan kerajaan untuk berbuat demikian penghujung tahun lalu.

Beliau memberitahu, kajian semula itu adalah wajar kerana sesetengah daripada elaun khas semasa tidak pernah

berubah sejak ia diperkenalkan pada tahun 1960-an.

Jelas Najib, kajian semula perlu dilakukan supaya semua elaun bagi anggota tentera sejajar dengan keperluan dan perubahan semasa.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai cadangan yang bakal dikemukakan oleh Kementerian Pertahanan itu.

Menurut beliau lagi, soal kajian semula itu turut disentuh pada majlis menerima taklimat daripada semua panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) di pejabatnya pagi ini.

Beliau menyatakan demikian selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama 1,500 pegawai tak bertauliah semua tiga perkhidmatan tentera di Wisma Bintara di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Mengulas lanjut perkara itu, Najib berkata: "Dalam majlis seperti ini sukar bagi saya untuk memberikan komitmen kerana ia melibatkan implikasi kewangan dan melibatkan dasar perkhidmatan."

Terdahulu dalam ucapannya, Najib menyentuh tentang perlunya konsep pembangunan yang bersepadu dan menyeluruh dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan bagi menjamin kewibawaan ATM dalam menghadapi cabaran semasa.

"Kita tidak lagi boleh melihat kepada aspek persenjataan sahaja tanpa melihat keperluan lain," katanya merujuk kepada kebajikan anggota tentera yang turut memberi kesan kepada soal moral dan disiplin mereka.